



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

SINDIKET PENIPUAN MENGGUNAKAN IDENTITI DAN NAMA MAHKAMAH

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) telah mengesan beberapa cubaan untuk menipu orang ramai oleh pihak tidak bertanggungjawab dengan membuat panggilan telefon dan/atau menghantar e-mel secara rambang dengan mendakwa mewakili mana-mana pihak mahkamah.

Di antara kaedah yang digunakan oleh sindiket ini adalah :

PANGGILAN TELEFON

- Mangsa menerima panggilan telefon daripada pihak sindiket yang mendakwa bahawa mereka daripada Unit Pendaftaran Saman dan mahu Mangsa mengesahkan nombor kad pengenalan Mangsa yang dibacakan oleh pihak sindiket. Pihak sindiket juga meminta agar Mangsa menelefon dengan wakil unit dan jika Mangsa gagal menghubungi nombor tersebut, satu notis saman akan dikeluarkan kepada Mangsa.
- Mangsa menerima panggilan telefon daripada pihak sindiket dan mendakwa bahawa Mangsa mempunyai kes saman dan menuntut Mangsa untuk segera hadir ke mahkamah pada hari bercuti atau hari minggu atau meminta agar Mangsa menekan nombor sambungan untuk bercakap dengan pegawai atasan untuk pertanyaan lanjut serta meminta pengesahan maklumat peribadi Mangsa seperti alamat, nombor kad pengenalan, tarikh lahir dan lain-lain.
- Pihak sindiket menghubungi Mangsa dan mendakwa mereka daripada mahkamah yang mahu mengesahkan identiti pekerja yang bekerja di syarikat Mangsa seperti nama penuh, jawatan, nombor kad pengenalan, alamat dan lain-lain.
- Mangsa menerima panggilan telefon memaklumkan bahawa mangsa telah disepina dan dikehendaki hadir ke mahkamah bagi mengelakkan tangkapan dibuat. Mangsa juga didakwa mempunyai hutang dan bagi menyelesaikan hutang tersebut, mangsa perlu membayar sejumlah wang kepada pihak sindiket.

PENGHANTARAN E-MEL

- Pihak sindiket menghantar e-mel mengatakan bahawa Mahkamah telah mengesahkan Mangsa merupakan waris yang sah bagi mewarisi harta yang berjumlah jutaan ringgit dan meminta Mangsa memasukkan sejumlah yuran ke dalam akaun bank pihak sindiket supaya perwarisan harta tersebut dapat diproses dengan segera.
- Pihak sindiket menghantar emel beserta sijil perakuan yang mengatakan Mangsa merupakan waris yang sah bagi sejumlah harta tertentu serta memberi emel pengesahan untuk Mangsa menyemak kesahihan sijil tersebut.
- Pihak sindiket menghantar emel mewakili Mahkamah mengatakan bahawa Mangsa perlu membayar sejumlah wang bagi Mahkamah mengeluarkan Surat Kuasa Wakil bagi pengurusan harta pusaka.


Berikut merupakan pesan daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) untuk mengelak daripada menjadi mangsa penipuan:

- Berhati-hati dan tidak mudah percaya dengan panggilan telefon oleh mana-mana individu yang mendakwa diri daripada pihak mahkamah.
- Semak nombor telefon atau saman yang didakwa oleh pihak sindiket dengan pihak mahkamah terlebih dahulu.
- Jangan menghubungi nombor telefon yang diberikan oleh mana-mana individu yang melalui telefon, sebaliknya hubungi nombor rasmi mahkamah tersebut.
- Jangan mudah memberi maklumat peribadi anda kepada pihak yang mencurigakan.
- Adalah diingatkan bahawa sebarang sepina hanya akan diserahkan secara kediri (*personal service*) atau *by hand* dan anda dikehendaki menandatangani penerimaan sepina tersebut. Penyerahan sepina hanya boleh dilakukan oleh pihak polis bagi perkara berkaitan jenayah dan pihak firma guaman bagi perkara selain jenayah.
- Buat laporan polis di balai polis yang berdekatan dan mengambil langkah berjaga-jaga di masa hadapan jika menerima panggilan yang serupa lagi.

Pejabat ini ingin menegaskan bahawa pihak mahkamah tidak akan sewenang-wenangnya membuat panggilan telefon secara rambang kepada orang awam. Pejabat ini memandang serius mengenai perkara ini dan ingin menasihatkan orang awam agar berhati-hati supaya dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan.

Sample dokumen palsu (scam) :

1)



2)



3)



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ARAS 2, ISTANA KEHAKIMAN
PRECINT 3
62506 PUTRAJAYA

PALSU!!

04/11/2017

THONG CHOI HAR (791127-14-5498)

Tuan/Puan,

Perintah Penangkapan Dan Perintah Pembekuan Aset-Aset

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

1. Untuk makluman pihak Tuan/Puan Y.A.B Hakim Besar Malaysia telah mengambil tindakan wajar dalam penyiasatan mendapatkan Perintah penangkapan dan Perintah pembekuan aset-aset di bawah seksyen 25a Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 pada Jam pukul 16:00 petang
2. Oleh yang demikian, pihak kami meminta kerjasama daripada Tuan/Puan untuk merahsiakan kes jenayah ini demi mengelakkan pihak polis tidak dapat menjalankan tugasnya.
3. Diminta untuk menerima Siasatan dan Membezakan aset-aset daripada Jabatan Audit Negara untuk membuktikan bahawa Tuan/Puan tidak bersalah



"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Timbalan Ketua Pendaftar I (Operasi)

Saya yang menurut perintah

Sabriah binti عثمان

Dora anak

(PUAN DORA ANAK UNDAU)

Ketua Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaysia
Istana Kehakiman

4)



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ARAS 2, ISTANA KEHAKIMAN
PRECINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon: 03-8863386
Faks: 03-8863386

PALSU!!

Tuan/Puan -
FAZIMAH BINTI MD BAZID
(██████████)

Perintah Penangkapan Dan Perintah Pembekuan Aset-Aset Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

1. Untuk makluman pihak Tuan/Puan Y.A.B Hakim Besar Malaysia telah mengambil tindakan wajar dalam penyiasatan mendapatkan Perintah penangkapan dan Perintah pembekuan aset-aset di bawah seksyen 25a Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 pada Jam pukul 10:00 AM
2. Oleh yang demikian, pihak kami meminta kerjasama daripada Tuan/Puan untuk merahsiakan kes jenayah ini demi mengelakkan pihak polis dapat menjalankan tugasnya.
3. Diminta untuk melakukan Permindahan aset-aset kepada Jabatan Audit Negara akaun untuk membuktikan bahawa Tuan/Puan tidak bersalah



"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

Dora anak

(PUAN DORA ANAK UNDAU)

Ketua Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaysia
Istana Kehakiman

Timbalan Ketua Pendaftar I (Operasi)

Sabriah binti عثمان

5)

IN THE FEDERAL COURT OF MALAYSIA
PALACE OF JUSTICE, PUTRAJAYA, FT
HOLDEN AT KUALA LUMPUR

SUIT NO. FD7C90258
BEFORE: MD RAUS SHARIF (CHIEF JUSTICE OF MALAYSIA)
DATE: 24/04/2017
APPLICANT: BARRISTER FAROOQ AHMED
(ON BEHALF OF: RELIANCE FUNDING GROUP INC/AFFIN CONSULTANCY FIRM).

IN THE CIVIL AND ALLIED MATTER PROCEEDING UNDER SECTION C33 AND SECTION 36 (A) MALAYSIAN FINANCIAL SERVICES (BANKING REFORMS) ACT 2013.

ORDER FOR GRANT OF MOTION FOR ORDER COMPELLING DISCOVERY

UPON HEARING OF MOTION EX-PARTE DATED 21ST APRIL, 2017 TOGETHER WITH SUPPORTING POWER OF ATTORNEY, AND UPON HEARING BARRISTER FAROOQ AHMED (ESQ)

IT IS HEREBY ORDERED AND GRANTED THIS:

1. THE RELIANCE FUNDING GROUP INC/AFFIN CONSULTANCY FIRM, LOCATED AT, LEVEL 16, CURENY PARAGON OFFICE TOWER, JALAN KELAWEL, GEORGETOWN, PENANG, MALAYSIA WITHIN THE JURISDICTION OF THIS COURT, ACKNOWLEDGES MOVE LOVE CO., LIMITED, 40 BOKSUL-GH, HEUNG-OP-MYEON, WONJU-SI, GANGWON-DO, REPUBLIC OF KOREA DIRECTLY AS BORROWER TO THE LOAN AMOUNT US\$29,590,000.
2. THE RELIANCE FUNDING GROUP INC/AFFIN CONSULTANCY FIRM, ACKNOWLEDGE IN WRITING THAT THE LOAN SUM OF US\$29,590,000 DELIVERED IN FAVOR OF MOVE LOVE CO., LIMITED, THROUGH FLIGHT TO REPUBLIC OF KOREA FOR THE PURPOSE OF INVESTMENT.
3. THE RELIANCE FUNDING GROUP INC/AFFIN CONSULTANCY FIRM, CONFIRM THAT UPON FULFILLMENT OF THE PRESENT INCUMBRANCE ON STIPULATED FEES OF US\$180,000.00 FOR DELIVERY OF THE LOAN FUNDS, MOVE LOVE CO., LIMITED WILL THEN, RECEIVE THE SAID AMOUNT WITHOUT ANY FURTHER ACTION.
4. THAT THE APPLICANT, BARRISTER FAROOQ AHMED ON BEHALF OF HIS CLIENT, THE RELIANCE FUNDING GROUP INC/AFFIN CONSULTANCY FIRM, AS THE LENDER OF THE SAID FUNDS IS GRANTED THIS ORDER COMPELLING DISCOVERY BY THIS HONOURABLE COURT FOR THE ENFORCEMENT OF HIS FUNDAMENTAL HUMAN RIGHTS TO ACQUIRE AND POSSESS PROPERTIES, ENTITLEMENTS AND BENEFITS AS STATED AND GRANTED BY PART 4 OF THE ENTERPRISE ACT 2002 AND THE 1938 ACT ON CIVIL AND ALLIED MATTERS OF THE GOVERNMENT AND PEOPLE OF MALAYSIA.

Richard Rajaraj
MD. RAUS SHARIF
(CHIEF JUSTICE OF MALAYSIA)
TAKEN UNDER MY HAND AT FEDERAL COURT,
TODAY 24TH APRIL, 2017.

[Red Seal]
COURT REGISTRAR

[Signature]
BEFORE ME
COMMISSIONER FOR OATHS

PALSU!!

6)

MALAYSIA HIGH COURT
Jalan Tuanku Abdul Halim, Kompleks Kerajaan,
50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

MALAYSIA HIGH COURT
Jalan Tuanku Abdul Halim, Kompleks Kerajaan,
50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

TO

MEGAPACK PAPER PRODUCTS
#115, 25 Chisholm Avenue, St. Albert, AB T8N 5A5

TITLES AND SUBTITLES. The titles and subtitles used in this letter are used for convenience only and are not to be considered in constraining.

COMPENSATION FOR REMITTANCE TO MEGAPACK PAPER PRODUCTS

We Malaysia High Court with notification your company doing business with METHODDA RESOURCES for some months now without goods been delivered. This case has been brought to us by METHODDA RESOURCES against MERCHANT SHIPPING COMPANY. Final decision has been made for them to pay DAMAGES, DELAY AND LOSS OF CLIENTS to your company which you are entitle of \$95,000 to be Remitted to your account by MERCHANT SHIPPING COMPANY, They will made transfer to MEGAPACK PAPER PRODUCTS and issue us proof of fund to your account.

ENTIRE AGREEMENT; AMENDMENTS. This Acknowledgement (a) constitutes the entire agreement among the parties and no party shall be liable or bound to any other party in any manner by any warranties, representations or covenants except as specifically set forth herein or therein, and (b) may not be modified or amended, except by a written instrument executed after the effective date hereof by the party sought to be charged by such modification or amendment.

Date: 26/04/2017
MR. WIRA BIN BAKI
[Signature]

For you to claim this fund, your company need to made transfer of \$15,000 to the court. Account you will be making payment to proceed with the claim and remittance will be maximum 5-6 days from date of payment to your account. Your company (MEGAPACK PAPER PRODUCTS) make payment and issue receipt to your supplier, Company lawyer to present payment slip to the court.

PALSU!!

HERE BANK ACCOUNT FOR REMITTANCE
BENEFICIARY NAME: SYSCO BRISTOW RESOURCES
ACCOUNT NUMBER: 2143700057248
BANK NAME: RHB BANK BERHAD
SWIFT CODE: RHBMYKL
BANK ADDRESS: UNIT G10 & 3A, THE SHIPHERE NO 1AVENUE 1, BANGSAR SOUTH, NO.8 JALAN KERINCHI 59200 KUALA LUMPUR

7)

THE ICJ INSTITUTIONAL BUDGET FUNDS ENHANCEMENT LEGAL TRADING PLATFORM

CERTIFICATE of APPOINTMENT

Magistrate of International Court of Justice (ICJ)
Bank Trust Rating Certification
Judicial Bar Number

445-AM01-15432-BNM0001/A-25

By authority vested in me,
I, HRH Ricky Nathaniel, Supreme Judge of International Court of Justice,
Peace Palace, Carnegieplein 2, 2517 KJ The Hague, Netherlands
do hereby appoint


RASHIDAH BINTI HASHIM
NRIC NO. 650617-07-8
to the role of
MAGISTRATE, BANK TRUST LITIGATION

Your appointment carries with it the obligation to ensure all legal matters
projects undertakings pledged under Project Funding Program (PFP) be
those related to the sititiation and materialization of our family owned
Singapore based Asia's handling bank of Development Bank of Singapore (DBS) and HSBC.

This appointment is perpetual as long as Tu-E Capital Berhad's endeavor is in operation until and unless you
are certified as medically unfit to perform under such obligation.

Given under my hand at this Twelve day of October in the year of Twenty Hundred
and Thirteen


HRH RICKY NATHANIEL



PALSU!!

8)

OATH OF AFFIDAVIT OF CLAIM

BY THIS OATH OF AFFIDAVIT OF CLAIM AT THE FEDERAL HIGH COURT MALAYSIA, IT IS
HERE BY CONFIRMED AS FOLLOWS:


With the full corporate authority vested unto us and with the unanimous
approval. This Oath of Affidavit of Claim is required for the release and
delivery of one metallic box in favor of Mr. Jong-lim Choi as the sole
beneficiary of the consignment of Ms. Nora Barnett.

As sworn in the Federal High Court of Malaysia
Finance Company. We the vested judges of the F
Malaysia under the Federal Ministry of Justice
of Affidavit of Claim to Mr. Jong-lim Choi the au
the metallic box.

We hereby permit Lionsgates Security and Finance Company to release and
deliver the consignment to Mr. Jong-lim Choi.

THIS OATH OF AFFIDAVIT OF CLAIM HAS THE AUTHORITY AND THE FORCE OF THE GOVERNING BODY OF FEDERAL
MINISTRY OF JUSTICE
Lionsgates Security
And Finance Company Malaysia
LIONS GATE SECURITY AND FINANCE COMPANY,
Date: 24/10/2017

FEDERAL HIGH COURT OF
AUTHORITY MALAYSIA
FEDERAL HIGH COURT OF MALAYSIA
2017


BENEFICIARY
MR. JONG-LIM CHOI

PALSU!!

BERTARIKH 20 MAC 2018
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA